

TARIKH : 18 JULAI 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 15

## FELDA, AIM meterai kerjasama strategik

Langkah  
perkembang,  
laksana inisiatif  
pertanian  
bernilai tinggi

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** FELDA dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) memeterai kerjasama strategik bagi memperkembang dan melaksanakan inisiatif pertanian dalam bidang tanaman alternatif bernilai tinggi, pertanian pintar dan digital serta biojisim.

Kerjasama dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) antaranya merangkumi usaha membangunkan Pelan Pembangunan Industri untuk mewujudkan model perniagaan dan pelan pelaksanaan atau tindakan bagi tanaman alternatif bernilai tinggi, berserta ekosistem dan infrastruktur sokongan yang khusus.

Bidang kerjasama lain termasuk membangunkan bidang

biojisim seperti mewujudkan pelbagai industri hiliran bernilai tinggi berasaskan bio dan biojisim yang sesuai untuk FELDA dan pemegang taruh.

Ketua Pegawai Eksekutif AIM, Naser Jaafar, berkata kerjasama berkenaan akan meningkatkan pendapatan peneroka dan membuka peluang pekerjaan baharu, seterusnya menambah pendapatan isi rumah.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, AIM mula bekerjasama dengan pelbagai pihak swasta dan awam dalam setiap bidang yang akan diterokai melalui kerjasama dengan FELDA.

"AIM akan berkongsi pengalaman, kepakaran dan model Peluang Perniagaan Inovasi yang sudah dan sedang diusahakan bagi mengkomersialkan inovasi sebagai sumber pendapatan baharu kepada negara.

"AIM juga akan memperkuatkan lagi inisiatif dalam kerjasama ini melalui sokongan daripada jalinan rangkaian maklumat, pengetahuan dan kepakaran yang ditawarkan saintis penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengusaha perniagaan inovasi, institusi kerajaan dan pelabur dalam mencari penye-



**AIM akan berkongsi pengalaman, kepakaran dan model Peluang Perniagaan Inovasi yang sudah dan sedang diusahakan bagi mengkomersialkan inovasi sebagai sumber pendapatan baharu kepada negara.**

**Naser Jaafar,**  
Ketua Pegawai Eksekutif AIM

lesaian teknikal dan bukan teknikal sepanjang tempoh kerjasama," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Di bawah kerjasama strategik itu, FELDA akan mendapat akses secara langsung kepada rangkaian pakar tempatan dan antarabangsa melalui Steinbeis Malaysia Foundation dan inisiatif Strategi Biomasa Nasional (NBS) 2020 di bawah AIM.

"Pihak berkepentingan yang relevan daripada AIM seperti syarikat hiliran, entiti pendaan R&D dan perniagaan serta agensi juga akan mempunyai akses langsung untuk menyertai dan menyokong pelaksanaan inisiatif berdaya maju yang bakal dihasilkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Steinbeis Malaysia Foundation, Timothy Ong, berkata beliau yakin pihaknya dapat memberikan sokongan yang diperlukan kepada FELDA melalui rangkaian global Steinbeis yang mempunyai lebih 1,100 pusat kepakaran dan 6,000 pakar global di 50 negara.

"Semua ini dapat dimanfaatkan FELDA bagi membantu melaksanakan projek inovatif dengan lebih berkesan dan cekap," katanya.